

**D.R. 8/2012**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

**Pindaan seksyen 2**

2. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan menggantikan takrif “Kampus” dengan takrif yang berikut:

‘ “Kampus”, berhubung dengan sesuatu Universiti atau Kolej Universiti, ertinya—

(a) Kampus atau Kampus Cawangan Universiti atau Kolej Universiti itu;

- (b) Kampus sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 6(1); dan
  - (c) kawasan, bersekali dengan segala bangunan atau struktur lain di atasnya, yang dipunyai atau digunakan, sama ada untuk selama-lamanya atau selainnya, oleh Universiti atau Kolej Universiti itu;’; dan
- (b) dengan memasukkan selepas takrif “kesalahan boleh daftar” takrif yang berikut:
- ‘ “Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi yang dilantik di bawah subseksyen 4c(1) dan termasuk Timbalan Ketua Pengarah yang dilantik di bawah subseksyen yang sama;’.

### **Bahagian baru IIA**

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian II Bahagian yang berikut:

#### “BAHAGIAN IIA

#### PENTADBIRAN

### **Pelantikan dan kewajipan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi**

4c. (1) Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi dan apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah hendaklah menasihati Menteri mengenai perkara yang berkaitan dengan pendidikan tinggi.

(3) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai fungsi dan menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Akta ini tertakluk kepada arahan dan kawalan am Menteri dan Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Menteri.

(4) Semasa ketiadaan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah boleh menjalankan fungsi dan kuasanya.

### **Pewakilan fungsi, kuasa dan kewajipan Menteri**

**4d.** (1) Kecuali kuasa di bawah seksyen 4, 4A, 4B, 4C dan 12, Menteri boleh mewakili secara bertulis apa-apa fungsi, kuasa atau kewajipannya kepada Ketua Pengarah.

(2) Apa-apa fungsi, kuasa atau kewajipan yang diwakilkan di bawah subseksyen (1) hendaklah dilaksanakan, dijalankan atau ditunaikan oleh Ketua Pengarah atas nama dan bagi pihak Menteri.

(3) Ketua Pengarah yang kepadanya apa-apa fungsi, kuasa atau kewajipan diwakilkan di bawah subseksyen (1) adalah terikat untuk menuruti dan mematuhi semua syarat, had atau sekatan yang dikenakan oleh Menteri.

(4) Pewakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Menteri daripada menunaikan apa-apa fungsi, kuasa atau kewajipan yang diwakilkan sedemikian pada bila-bila masa.

(5) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pewakilan yang dibuat di bawah seksyen ini.”.

### **Pindaan seksyen 5A**

#### **4. Seksyen 5A Akta ibu dipinda—**

(a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

**“Ketidakpakaian Akta bagi universiti yang ditubuhkan demi kepentingan negara, dsb.”; dan**

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membenarkan penubuhan mana-mana institusi pelajaran tinggi yang bertaraf Universiti, apa jua nama atau

gelarannya, jika dia berpuas hati bahawa adalah suai manfaat demi kepentingan negara institusi pelajaran tinggi sedemikian ditubuhkan.”.

### **Penggantian seksyen 15**

5. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 15 dengan seksyen yang berikut:

#### **“Aktiviti pelajar atau persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar**

**15.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang pelajar Universiti boleh menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, termasuk mana-mana parti politik.

(2) Seseorang pelajar Universiti tidak boleh—

- (a) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (b) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, yang bukannya suatu parti politik, yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu;
- (c) bertanding dalam pilihan raya bagi atau memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar di dalam Kampus jika pelajar itu memegang apa-apa jawatan dalam suatu parti politik; atau
- (d) terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam Kampus.

(3) Seseorang pelajar Universiti dan mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Perlembagaan, tidak

boleh menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bangkangan terhadap—

- (a) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau
- (b) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), seseorang pelajar Universiti tidak boleh dihalang daripada—

- (a) membuat pernyataan mengenai sesuatu perkara akademik yang berhubungan dengan perkara yang pelajar itu terlibat dalam pengajian atau penyelidikannya; atau
- (b) menyatakan pendirian mengenai perkara yang disebut dalam perenggan (a) dalam sesuatu seminar, simposium atau majlis seumpamanya yang tidak dianjurkan atau ditaja oleh mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atau mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga di bawah perenggan (3)(b) sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.

(5) Universiti hendaklah mengawal selia aktiviti pelajar dan persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti di dalam Kampus.”.

### **Pindaan seksyen 16B**

**6.** Seksyen 16B Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong subseksyen (9); dan
- (b) dalam subseksyen (11), dengan menggantikan perkataan “tiga puluh” dengan perkataan “enam puluh”.

**Bahagian baru IVA**

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian IV Bahagian yang berikut:

**“BAHAGIAN IVA****DAFTAR DAN PANGKALAN DATA****Kewajipan untuk menyenggarakan daftar**

**22A.** (1) Ketua Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggarakan atau menyebabkan supaya disimpan dan disenggarakan suatu Daftar Pengajian Tinggi Kebangsaan yang mengandungi butir-butir mengenai—

- (a) institusi pelajaran tinggi yang ditubuhkan di bawah seksyen 6;
- (b) program yang dijalankan atau disediakan oleh institusi pelajaran tinggi;
- (c) orang yang diberi ijazah peringkat kedoktoran, termasuk ijazah kedoktoran kehormat;
- (d) orang yang dilantik sebagai seorang profesor dan termasuk orang yang diberi gelaran Profesor Diraja atau Profesor Emeritus; dan
- (e) apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan pendidikan tinggi yang difikirkannya perlu.

(2) Ketua Pengarah boleh menjadikan Daftar Pengajian Tinggi Kebangsaan tersedia bagi pemeriksaan awam tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

(3) Seseorang boleh apabila fi sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dibayar—

- (a) memeriksa Daftar Pengajian Tinggi Kebangsaan; dan
- (b) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada Daftar itu.

**Kewajipan untuk menyenggarakan pangkalan data**

**22B.** (1) Tiap-tiap institusi pelajaran tinggi yang ditubuhkan di bawah seksyen 6 hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu pangkalan data yang mengandungi butir-butir mengenai—

- (a) program yang dijalankan atau disediakan oleh institusi pelajaran tinggi;
- (b) orang yang diberi ijazah peringkat kedoktoran, termasuk ijazah kedoktoran kehormat;
- (c) orang yang dilantik sebagai seorang profesor dan termasuk orang yang diberi gelaran Profesor Diraja atau Profesor Emeritus; dan
- (d) apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan pendidikan tinggi yang difikirkannya perlu.

(2) Pangkalan data yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah dijadikan boleh diakses oleh Menteri sebagaimana yang dikehendaknya.”.

**Seksyen baru 24E**

**8.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 24D seksyen yang berikut:

**“Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan**

**24E.** Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) untuk menetapkan bentuk yang dalamnya suatu daftar hendaklah disimpan atau disenggarakan di bawah Akta ini, catatan yang hendaklah dibuat dalamnya, peruntukan bagi pemeriksaan dan pengambilan cabutan daripada daftar itu dan pembekalan salinan cabutan itu dan fi yang hendaklah dibayar bagi pemeriksaan, cabutan dan salinan itu masing-masing;
- (b) untuk menetapkan apa-apa perkara lain yang difikirkan suai manfaat atau perlu oleh Menteri bagi maksud Akta ini.”.

**Pindaan Jadual Pertama****9. Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda—**

(a) dalam seksyen 10—

- (i) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, syarat pelantikan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah ditentukan oleh Lembaga.”; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Seseorang yang dilantik sebagai Pendaftar, Bursar dan Penasihat Undang-Undang hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan apabila tempoh itu habis, Pendaftar, Bursar dan Penasihat Undang-Undang itu adalah layak untuk dilantik semula.

(5) Seseorang yang dilantik sebagai Ketua Pustakawan hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga.

(6) Pelantikan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Lembaga dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.”;

(b) dengan memotong seksyen 20A; dan

(c) dengan memasukkan selepas seksyen 21 seksyen yang berikut:

**“Jawatankuasa Aduan Pelajar**

**21A.** (1) Jawatankuasa Aduan Pelajar ditubuhkan yang hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi pengerusi;
- (b) dua orang ahli yang dipilih oleh Majlis Perwakilan Pelajar-Pelajar;
- (c) dua orang ahli yang dipilih oleh Persatuan Siswazah atau Alumni Universiti; dan
- (d) dua orang pegawai lain Universiti yang dilantik oleh Lembaga selepas mengambil kira dengan sewajarnya kepentingan untuk menjamin suatu Jawatankuasa Aduan Pelajar yang mendapat keyakinan pelajar.

(2) Jawatankuasa Aduan Pelajar hendaklah mempunyai apa-apa kuasa dalam menjalankan siasatan atau inkuiri ke atas apa-apa aduan yang dibuat oleh pelajar mengikut cara yang ditetapkan oleh Statut.”.

**Pindaan Jadual Kedua**

**10.** Jadual Kedua kepada Akta ibu dipinda dalam subsubsubperenggan 1(a)(iv) dalam teks bahasa kebangsaan dengan memotong perkataan “tidak” selepas perkataan “pemenjaraan selama tempoh yang”.

**Kecualian**

**11.** (1) Semua tindakan disiplin yang belum selesai di bawah subseksyen 15(7) Akta ibu berhubung dengan perkara yang disebut dalam perenggan 15(1)(a) dan 15(5)(a) Akta ibu terhadap mana-mana pelajar Universiti hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, dihentikan.

(2) Semua tindakan yang belum selesai di bawah seksyen 16 Akta ibu berhubung dengan perkara yang disebut dalam perenggan 15(5)(a) Akta ibu terhadap mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, dihentikan.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ("Akta 30").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 30 untuk memasukkan takrif baru "Ketua Pengarah" dan untuk meminda takrif "Kampus". Takrif "Ketua Pengarah" dimasukkan berikutan daripada pewujudan jawatan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi yang dilantik oleh Menteri di bawah subseksyen 4c(1) baru. Pindaan kepada takrif "Kampus" bertujuan untuk meluaskan takrif itu untuk memasukkan Kampus yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 6(1) Akta 30 dan juga kawasan, bersekali dengan segala bangunan atau struktur lain di atasnya, yang dipunyai atau digunakan, sama ada untuk selama-lamanya atau selainnya, oleh sesuatu Universiti atau Kolej Universiti.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru IIA ke dalam Akta 30 yang berhubungan dengan pentadbiran. Seksyen 4c yang dicadangkan memperkatakan pelantikan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi dan Timbalan Ketua Pengarah. Seksyen 4d yang dicadangkan memperuntukkan perwakilan fungsi, kuasa dan kewajipan Menteri kepada Ketua Pengarah.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk menggantikan subseksyen 5A(2) Akta 30 untuk membolehkan Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Menteri, membenarkan penubuhan suatu institusi pelajaran tinggi yang bertaraf Universiti demi kepentingan negara.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk menggantikan seksyen 15 Akta 30 dengan seksyen 15 yang baru.

Subseksyen 15(1) yang dicadangkan bertujuan untuk meluaskan hak berpersatuan pelajar untuk memasukkan hak untuk menjadi ahli mana-mana parti politik. Subseksyen 15 Akta 30 yang sedia ada tidak membenarkan pelajar untuk menjadi ahli parti politik.

Perenggan 15(2)(a) dan (b) yang dicadangkan memperuntukkan sekatan terhadap pelajar untuk menjadi ahli persatuan, dsb., yang menyalahi undang-undang dan ahli persatuan, dsb., yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai

tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti. Walau bagaimanapun, penetapan oleh Lembaga di bawah perenggan 15(2)(b) yang dicadangkan tidak termasuk parti politik.

Perenggan 15(2)(c) yang dicadangkan bertujuan untuk melarang pelajar daripada bertanding dalam pilihan raya bagi atau memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar di dalam Kampus jika pelajar itu memegang apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik. Larangan ini bertujuan untuk mengekalkan keberkecualian di dalam Kampus.

Perenggan 15(2)(d) yang dicadangkan bertujuan untuk mengenakan sekatan ke atas penglibatan pelajar dalam aktiviti parti politik di dalam Kampus. Sekatan ini bertujuan untuk mengekalkan keberkecualian di dalam Kampus. Walau bagaimanapun, tiada sekatan dikenakan ke atas aktiviti parti politik pelajar di luar Kampus.

Subseksyen 15(3) yang dicadangkan bertujuan untuk meniadakan sekatan yang dikenakan ke atas pelajar dan persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar untuk menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bangkangan terhadap mana-mana parti politik. Ini adalah selaras dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Muhammad Hilman Idham & Ors lwn Kerajaan Malaysia & Ors [2011] 9 CLJ 50*. Walau bagaimanapun, subseksyen itu mengekalkan sekatan dalam subseksyen 15(5) Akta 30 sedia ada yang menetapkan pelajar dan persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar tidak dibenarkan untuk menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bangkangan terhadap mana-mana persatuan, pertubuhan, dsb., yang menyalahi undang-undang dan mana-mana persatuan, pertubuhan, dsb., yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti.

Subseksyen 15(4) yang dicadangkan memperuntukkan pengecualian kepada sekatan yang dikenakan dalam subseksyen 15(3) yang dicadangkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 15 Akta 30 yang sedia ada.

Subseksyen 15(5) yang dicadangkan bertujuan untuk mengenakan obligasi ke atas Universiti untuk mengawal selia aktiviti pelajar atau persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar di dalam Kampus.

7. *Subfasal 6(a)* bertujuan untuk memotong subseksyen 16B(9) Akta 30 untuk tidak membenarkan pelajar yang telah mengemukakan rayuan di hadapan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar di bawah subseksyen 16B(5) Akta 30 diwakili oleh pekerja atau pelajar lain Universiti. Ini kerana pelajar itu telah diberikan hak untuk diwakili oleh pekerja atau pelajar lain Universiti di bawah subseksyen 16B(3B) Akta 30 dan pelajar itu juga telah diberikan hak untuk membuat representasi bertulis di hadapan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar di bawah subseksyen 16B(10) Akta 30. *Subfasal 6(b)* bertujuan untuk meminda subseksyen 16B(11) Akta 30 untuk melanjutkan tempoh dari tiga puluh hari kepada enam puluh hari yang dalamnya Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar dikehendaki untuk memutuskan sesuatu rayuan.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru IVA ke dalam Akta 30. Seksyen 22A yang dicadangkan menghendaki Ketua Pengarah untuk menyimpan dan menyenggarakan atau menyebabkan supaya disimpan atau diselenggarakan Daftar Pendidikan Tinggi Kebangsaan. Seksyen 22B yang dicadangkan mengenakan obligasi ke atas institusi pelajaran tinggi yang ditubuhkan di bawah seksyen 6 Akta 30 untuk menyimpan dan menyenggarakan suatu pangkalan data yang hendaklah dijadikan boleh diakses oleh Menteri.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 24E ke dalam Akta 30 untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi maksud Akta 30.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda Perlembagaan Universiti dalam Jadual Pertama kepada Akta 30.

*Perenggan 9(a)(i)* bertujuan untuk meminda subseksyen 10(3) untuk menyatakan bahawa syarat pelantikan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah ditentukan oleh Lembaga. *Perenggan 9(a)(ii)* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 10(4), (5) dan (6) ke dalam Perlembagaan. Subseksyen 10(4) yang dicadangkan menyatakan bahawa tempoh jawatan bagi Pendaftar, Bursar dan Penasihat Undang-Undang tidak boleh melebihi tiga tahun dan mereka adalah layak untuk dilantik semula. Subseksyen 10(5) yang dicadangkan menyatakan bahawa Ketua Pustakawan hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga. Subseksyen 10(6) yang dicadangkan menyatakan bahawa pelantikan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang boleh dibatalkan oleh Lembaga.

*Subfasal 9(b)* bertujuan untuk memotong seksyen 20A Perlembagaan yang berhubungan dengan Jawatankuasa Kebajikan Pekerja.

*Subfasal 9(c)* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 21A ke dalam Perlembagaan untuk menubuhkan Jawatankuasa Aduan Pelajar yang mempunyai kuasa untuk menjalankan siasatan atau inkuiri ke atas apa-apa aduan yang dibuat oleh pelajar mengikut cara yang ditetapkan oleh Statut.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda subsubsubperenggan 1(a)(iv) Jadual Kedua kepada Akta 30 untuk menjadikan teks bahasa kebangsaan dan teks bahasa Inggeris selaras.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.

13. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.